

Bil. S 65

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH (PINDAAN), 2015

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 131
 3. Pemasukan bab-bab 12A dan 12B baru
 4. Penggantian Jadual
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH (PINDAAN), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Pencegahan Rasuah (Pindaan), 2015.

Pindaan bab 2 dari Penggal 131

2. Bab 2 dari Akta Pencegahan Rasuah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memotong takrifan “badan awam” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “badan awam” termasuk —

- (a) Kerajaan Negara Brunei Darussalam;
- (b) mana-mana jabatan, atau perkhidmatan atau pengusahaan Kerajaan Negara Brunei Darussalam;
- (c) mana-mana perbadanan, majlis, lembaga, pesuruhjaya atau badan lain yang mempunyai kuasa untuk bertindak di bawah dan bagi maksud sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya berhubung dengan Kerajaan tempatan, kesihatan awam atau pengusahaan utiliti awam, atau pun selainnya mempunyai kuasa untuk mentadbir dana yang dipunyai oleh Kerajaan atau wang yang didapatkan melalui kadar bayaran, cukai atau caj menurut sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam;
- (d) mana-mana lembaga, pesuruhjaya, jawatankuasa atau badan lain yang dinyatakan dalam Jadual;
- (e) mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang ke atasnya atau yang di dalamnya mana-mana badan awam yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) atau (d), mempunyai kuasa mengawal atau kepentingan.”

Pemasukan bab-bab 12A dan 12B baru

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 12 dua bab baru yang berikut —

“Pegawai awam menggunakan dana awam untuk tujuan peribadi, atau memberikan layanan keutamaan yang tidak wajar, menyalahgunakan maklumat dll

12A. (1) Barang siapa, sebagai seorang pegawai awam, semasa menjalankan atau berhubung dengan jawatan awam atau tugas-tugas rasminya, dengan sengaja —

(a) menggunakan dana atau sumber awam untuk tujuan peribadi atau bagi mencapai kepentingan peribadi;

(b) gagal bertindak dengan saksama, atau memberi layanan keutamaan yang tidak wajar kepada mana-mana orang;

(c) menyalahgunakan maklumat yang diperoleh semasa menjalankan kewajipannya;

(d) berkelakuan dengan cara yang akan menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggahan dengan kewajipan awamnya; atau berkelakuan dengan cara yang diketahuinya atau dia dapat dengan munasabah dijangka mengetahuinya mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa dia —

(i) telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggahan dengan kewajipan awamnya; atau

(ii) telah menggunakan kedudukan awamnya untuk faedah peribadi;

(e) mencampuri, atau bertujuan untuk mempengaruhi, melainkan sebagai sebahagian daripada kewajipannya, lantikan, kenaikan pangkat, pengantungan, penurunan pangkat atau pemecatan seseorang pegawai awam atau orang lain,

adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, suatu denda sebanyak \$30,000 dan penjara selama 7 tahun.

(2) Suatu kesalahan di bawah ceraiian [1]/(c) dilakukan sama ada atau tidak orang itu masih seorang pegawai awam pada tarikh kesalahan itu.

Pegawai awam berbuat salah laku dengan sengaja atau lalai melaksanakan kewajipan

12B. (1) Barang siapa, sebagai seorang pegawai awam, dengan sengaja —

(a) berbuat salah laku; atau

(b) lalai melaksanakan kewajipannya,

hingga peringkat yang terjumlah kepada penyalahgunaan amanah awam terhadap pemegang jawatan adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, suatu denda sebanyak \$30,000 dan penjara selama 7 tahun.”

Penggantian Jadual

4. Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual dan menggantikannya dengan Jadual baru yang berikut —

“JADUAL (bab 2)

BADAN-BADAN AWAM

1. Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi
2. Autoriti Monetari Brunei Darussalam
3. Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei
4. Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad
5. Agensi Pelaburan Brunei
6. Brunei National Petroleum Company Sendirian Berhad
7. Brunei Shell Joint Ventures
8. Pusat Pengajian Strategik dan Polisi
9. Darussalam Assets Sendirian Berhad
10. Datastream Technology Sendirian Berhad
11. Institut Teknologi Brunei
12. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
13. Majlis Ugama Islam

14. Perbadanan Menteri Kewangan
15. Politeknik Brunei
16. Royal Brunei Airlines Berhad
17. Perkhidmatan Teknikal Diraja Brunei
18. Semaun Holdings Sendirian Berhad
19. Tabung Amanah Pekerja
20. Telekom Brunei Berhad
21. Universiti Brunei Darussalam
22. Universiti Sultan Sharif Ali”.

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 22 haribulan September, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM